



NAJIB Tun Razak mengucup dahi cucu sulungnya, Mohd Nabil Mohd Nizar sambil disaksikan Rosmah Mansor (kiri) ketika menziarahinya di Hospital Ampang Puteri di Kuala Lumpur, semalam.

Najib timang cucu pertama

KUALA LUMPUR, 23 Sept. - Pada tengah hari Sabtu yang sibuk, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang berusia 53 tahun, mengharungi hujan dan perjalanan sejauh 200 kilometer dari Pekan ke sini.

Beliau membatalkan semua program politik hariannya dan tiba di tingkat tiga Hospital Ampang Puteri di Kuala Lumpur, untuk memeluk cucu lelaki pertamanya yang baru lahir Mohd Nabil Mohd Nizar.

Najib yang kelihatan begitu girang mendukung bayi seberat 3.57kg. dibedung dalam tuala biru, yang lahir pada 11.28 pagi semalam - dua hari sebelum menyambut bulan Ramadan.

"Ini merupakan permulaan yang baru bagi diri saya. Saya bersyukur kepada Allah s.w.t kerana mengurniakan saya dengan seorang cucu lelaki yang sihat. Ia memberikan

perasaan baru kepada saya. Perasaan yang sangat gembira bagi diri saya dan keluarga saya," katanya kepada *Bernama*.

Najib, yang tiba daripada jadual sibuk di Pahang, terpaksa beredar selepas meluangkan masa 15 minit dengan cucu lelakinya itu, untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 5.35 petang dari London selepas lebih dua minggu berada di luar negara, menghadiri persidangan antarabangsa.

Najib memulakan jadualnya hari ini dengan menutup program pendidikan khas bagi kanak-kanak Orang Asli di Pekan pagi ini dan melancarkan Loji Rawatan Air Runchang di Bebar.

Bapa bayi itu, Mohd Nizar Najib, 28, yang merupakan anak lelaki su-

lung Najib, dan isterinya Nur Sharmila Shaheen, 27, berkata sebelum ini mereka tidak sabar menunggu kelahiran bayi mereka itu.

"Saya amat gembira, dia merupakan cucu pertama dalam keluarga kami.

Kami ingin menamakan anak kami ini Mohd Nabil, kami mahu mengekalkan tradisi huruf N dalam keluarga kami," kata Nizar, 28, seorang akauntan.

Anggota keluarga lain, termasuk Datin Seri Rosmah Mansor, ibu mentua Nizar, Datuk Maznah Hamid dan bapa mentua Shaheen Mirza turut hadir di hospital.

Nizar dan Sharmila berkahwin pada Jun 2004.

Mohd Nabil juga merupakan cicit lelaki pertama Allahyarham Tun Abdul Razak Hussin, Perdana Menteri kedua Malaysia.